

Bendang jadi pusat belajar *online*

PASIR MAS: Lokasi mana ada capaian internet bagus, di situ para pelajar berkampung.

Ini termasuk kawasan sawah padi di Kampung Kuar di sini, gara-gara kualiti capaian internet yang lemah di kebanyakan lokasi di kampung itu.

Bendang itu kini tidak lagi sunyi sepi dengan kehadiran pelajar yang mahu mengikuti sesi kelas secara dalam talian atau *online* dengan lancar sepanjang sekolah dan universiti ditutup.

Penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM), Fathina Uzma Mohd. Zaki berkata, masalah capaian internet yang lemah di ka-

wasan rumahnya tidak pernah berkesudahan.

Kata penuntut tahun satu Sarjana Muda Pendidikan Sains Rumah Tangga itu, kawasan bendang itu pilihan terbaik setakat ini bagi mengelak dirinya ketinggalan sesi kuliah dalam talian.

“Saya berkampung di lokasi ini dua kali sehari bagi mengikuti kuliah sesi pagi dan petang seperti ditetapkan pensyarah.

“Saya terpaksa berulang-alik sejauh enam kilometer setiap hari untuk datang ke sini. Mahu atau tidak, ini sahaja pilihan yang ada setakat ini, walaupun

kawasan ini terpencil,” katanya.

Turut berkampung bersama gadis itu ialah adiknya, Ain Balqis, 13, yang yang kini di tingkatan satu dan perlu mengikuti sesi pembelajaran dan pengajaran di rumah (PdPR).

Sebagai langkah keselamatan, dua beradik itu ditemani ibu atau bapa mereka setiap kali terpaksa mengikuti kelas di kawasan sawah padi tersebut.

Kata Fathina Uzma, jika ada kelas perbincangan pada waktu malam pula, dia menumpang rumah sepupunya yang terletak di Kampung Bukit Panau, Tanah Merah.



FATHINA UZMA MOHD. ZAKI (tengah) bersama dua adiknya mengikuti sesi kuliah dan pembelajaran dalam talian dekat sawah padi di Kampung Kuar, Pasir Mas, Kelantan. - UTUSAN/YATIMIN ABDULLAH